

## **Asimilasi budaya tempatan kaum peranakan Chitty Melaka**

### **ABSTRAK**

Masyarakat Chitty Melaka ialah satu kelompok masyarakat minoriti India yang unik di Melaka. Masyarakat ini terbentuk hasil daripada perkahwinan campur antara orang Hindu dengan orang tempatan seperti Melayu, Cina dan Jawa. Bandar Gajah Berang di Melaka merupakan kawasan penempatan masyarakat Hindu Peranakan Melaka. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti asal-usul dan latar belakang Chitty Melaka serta menghuraikan sifat asimilasi, sosial dan budaya kaum Chitty Melaka. Kajian ini merupakan sebuah kajian *non-experimental*. Ini merupakan kajian lapangan dan bahan rujukan sejarah serta temu bual. Pemilihan sampel adalah daripada kalangan masyarakat kaum Chitty Melaka di Gajah Berang. Pengumpulan data dijalankan melalui soal selidik dan temu bual. Hasil penyelidikan memaparkan masyarakat Chitty mempunyai keunikan dalam segala aspek kehidupan seharian mereka dari segi bahasa, pakaian, makanan, adat-istiadat, kepercayaan, perkahwinan, gelaran, upacara agama, seni bina, muzik, dan permainan. Segala keunikan masyarakat Chitty bukan sahaja perlu dipelihara dan diteruskan malah perlu didokumentasikan secara sistematik.

**Keyword:** Malacca Chitty; Malacca peranakan; Assimilation; Social; Cultural; Community identity; Minority